

Hampir 3,000 kunjungi Karnival Pendidikan KUTKM

Archival News | Utusan Malaysia | 27/02/2006

MELAKA 26 Feb. - Hampir 3,000 orang mengunjungi Karnival Pendidikan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di Melaka Sentral di sini.

Penyelaras karnival, Ruzaiman Abd. Rahman berkata, karnival yang bertujuan mempromosikan kolej universiti kepada orang ramai itu mendapat sambutan di luar jangkaan.

"Ia berjaya membantu orang ramai mengenali KUTKM serta kursus-kursus yang ditawarkan," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Pelajar Kolej Matrikulasi Londang, Norniza A. Kadir, 19, berkata, dia mengetahui mengenai karnival tersebut setelah membacanya dalam akhbar kelmarin lalu datang bersama seorang rakannya.

Tertarik

"Saya tertarik dengan kursus-kursus di KUTKM terutamanya yang terdapat di fakulti kejuruteraan," katanya.

Seorang lagi pengunjung, Munawar Masdar, 21, penuntut di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Bukit Katil berkata, dia sudah lama ingin melanjutkan pelajaran di KUTKM.

"Saya dimaklumkan, KUTKM mempunyai makmal kejuruteraan yang lengkap selain tenaga pengajar berdedikasi," katanya.

Jurujual, Ezzasharmiza Senin, 18, dari Alor Gajah berkata, KUTKM mengambil langkah bijak kerana mengadakan promosi berkenaan di Melaka Sentral.

"Pameran ini sangat baik kerana selain pelajar, ibu bapa boleh mengunjunginya untuk melihat kursus yang sesuai untuk anak-anak mereka," ujarnya.

Nurbaizura Mohd. Salleh, 21, dari Sungai Rambai di sini berkata, dia berharap KUTKM mengadakan pameran lebih besar pada masa akan datang.

"Mungkin ia boleh diadakan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) supaya lebih ramai mengunjungi, " katanya.

(Source : Utusan Malaysia)